



Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 19hb. April 2011

PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2011

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SLIP GAJI BULANAN

Sukacita dimaklumkan bahawa bermula pada gaji bulan **April 2011**, Slip Gaji bulanan tidak lagi diedarkan kepada kakitangan sepertimana Penyata Pendapatan Tahunan sebelum ini, sebaliknya Slip Gaji boleh diperolehi dan dicetak sendiri dari laman web Sistem Maklumat Kakitangan (SMK) <http://smk4.ukm.my/peribadi/> di bawah menu e-Penyata : *Penyata Bulanan*.

Slip Gaji bagi bulan semasa hanya boleh dicapai dan dicetak bermula **sehari sebelum tarikh gaji**, manakala bagi bulan-bulan yang kebelakang adalah dari bulan Januari 2010 hingga Mac 2011.

Sebarang keperluan penggunaan penyata kepada pihak luar seperti institusi perbankan dan sebagainya, pengesahan perlu diperolehi dari Unit Gaji, Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia atau Unit Gaji, Jabatan Kewangan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebarang pertanyaan mengenai slip boleh menghubungi Unit Gaji, Jabatan Bendahari di talian 03-89215028/4222/5006/4441/5454

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 - Pendaftar, UKM
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat UKM
 - Pengarah, Pusat Perubatan UKM (PPUKM), Cheras.